

05 AUG 1997

Pertanian

KAWASAN UNTUK PERTANIAN TEKNOLOGI TINGGI DIKENAL PASTI

ALOR SETAR, 5 Ogos (Bernama) -- Kedah telah mengenal pasti Sik, Padang Terap dan Baling sebagai kawasan sesuai bagi kerajaan pusat menjalankan percubaan melaksanakan pertanian menggunakan teknologi tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Penerangan Negeri Ahmad Lebai Sudin hari ini berkata kawasan-kawasan itu mempunyai keluasan antara 4,000 dan 10,000 hektar.

Bagaimanapun, kerajaan pusat belum memutuskan kawasan yang hendak dimajukan untuk tujuan pertanian campuran seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Daud semalam, katanya ketika dihubungi.

Percubaan itu adalah ke arah revolusi industri pertanian negara ini dengan menggunakan teknik pertanian negara-negara maju.

Ahmad berkata beliau bersama Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sulaiman di Kuala Lumpur Rabu depan bagi membincangkan lebih lanjut mengenai konsep pertanian itu.

Perbincangan itu dijangka meliputi semua aspek termasuk menentukan kawasan, jenis tanaman, jentera, pengurusan dan agensi-agensi yang akan terlibat dengan projek itu.

Ahmad berkata beliau tidak pasti sama ada kerajaan persekutuan mahu menjadikan projek Taman Sayur Berik seluas 120 hektar di Padang Terap yang menggunakan kaedah pertanian berteknologi tinggi sebagai nukleus bagi projek persekutuan itu.

Taman sayur itu, anjuran kerajaan negeri, diusahakan oleh petani tempatan dengan menggunakan pengurusan, jentera dan sistem pengairan termoden serta khidmat nasihat dari pakar.

"Projek itu tidak menggunakan banyak tenaga kerja tetapi hasilnya ialah peningkatan daripada segi kuantiti dan kualiti sayur-sayuran," katanya.

Kerajaan negeri pula mempunyai rancangan untuk menjadikan taman sayur itu sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan bagi sayur-sayuran serta pusat rekreasi untuk menarik pelancong.

Di samping menyediakan tanah, kerajaan negeri akan berperanan sebagai penyelaras bagi projek persekutuan itu. -- BERNAMA

JM MAI